



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 24 Oktober 2016

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2016 TATACARA PENYIMPANAN KUNCI PINDAAN
PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2016 TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH UNIVERSITI
(TPAU)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa satu pekeling telah pun dikeluarkan untuk makluman dan tindakan semua Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti di lampiran. Untuk makluman, pekeling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 November 2016**. Sehubungan dengan itu, sukacita kiranya pekeling ini dapat diedarkan kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.


Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"Akauntabiliti Pegangan Kita"

Yang benar,

KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia
s.k - Naib Canselor, UKM




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: http://www.ukm.my

- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
- Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
- Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

UKM



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 9/2016

TATACARA PENYIMPANAN KUNCI PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2016 TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH UNIVERSITI (TPAU)

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara penyimpanan kunci bagi memastikan Pusat Tanggungjawab (PTj) mengambil langkah-langkah keselamatan ke atas harta benda Universiti. Ini selaras dengan Buku Arahan Keselamatan Kerajaan yang menggariskan tatacara penyimpanan kunci yang lebih ketat dan terkawal.

LATAR BELAKANG

2. Hasil daripada siasatan kes kehilangan Aset Universiti mendapati bahawa kebanyakan PTj tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dalam mengendalikan urusan penyimpanan kunci. Ini meletakkan harta benda Universiti berada dalam tahap risiko kehilangan yang tinggi.

3. Tatacara Penyimpanan Kunci ini adalah penambahbaikan kepada cara penyimpanan kunci yang telah digariskan di dalam **Bab C : Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan** melalui Pekeliling Bendahari Bil. 1/2016 Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti (TPAU) : Pindaan Tahun 2016.

PELAKSANAAN

4. Bagi memastikan langkah-langkah keselamatan ini dipatuhi, PTj hendaklah mematuhi tatacara yang telah digariskan di dalam Bab C : Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan sepertimana di **Lampiran**.

PINDAAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, **Perkara 3.6 Cara Penyimpanan Kunci** di dalam Bab C : Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan adalah dipinda. Walaubagaimanapun bab-bab lain di dalam tatacara tersebut masih berkuatkuasa.

PENGUATKUASAAN

6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **1 November 2016**.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), PPUKM